

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**

**TARIKH : 26.10.2015**

**SOALAN :**

Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebab bantuan wang yang berjumlah RM50 juta yang dijanjikan oleh Perdana Menteri untuk membantu Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) tidak diterima, bantuan wang ini adalah penting untuk terus membangun dan membantu untuk memupuk bakat untuk masyarakat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggunakan peruntukan Tabung Penyelenggaraan Sekolah di bawah Belanja Mengurus tahun 2015 bagi menampung penyelenggaraan semua sekolah termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan tahun 2015. Berdasarkan peruntukan sedia ada tersebut, KPM telah mengagihkan peruntukan masing-masing sebanyak RM20 juta kepada sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah Mubaligh dan sekolah agama bantuan kerajaan(SABK).